

30 SEP 2000

PETROL-PENGUSAHA

PENGUSAHA DIGESA JANGAN NAIKKAN HARGA SEWENANG-WENANG

KUALA LUMPUR, 30 Sept (Bernama) -- Kementerian Kewangan menegaskan kenaikan harga petrol yang kurang 10 peratus seliter berkuatkuasa esok tidak sepatutnya mendorong para peniaga termasuk pengusaha teksi, bas dan lori untuk menaikkan harga sewenang-wenangnya.

"Kenaikan ini dijangka akan hanya meningkatkan kadar inflasi bulan Oktober sebanyak 0.41 peratus kepada 1.81 peratus manakala kadar inflasi keseluruhannya bagi tahun ini dijangka meningkat sebanyak 0.10 peratus kepada 1.9 peratus," menurut kementerian itu di dalam satu kenyataan hari ini.

Ia menambah di sebalik kenaikan itu, harga runcit petrol, diesel dan gas petroleum cecair (LPG) di negara ini masih rendah berbanding dengan kebanyakan negara jiran.

Kerajaan juga masih menanggung subsidi yang besar kira-kira RM2.86 bilion bagi tahun ini, katanya lagi.

Sehubungan itu, Kementerian Kewangan berkata Kerajaan akan memperhebatkan langkah-langkah bagi mengawal akitiviti penyeludupan dan penjualan kepada pihak-pihak yang tidak sepatutnya menerima faedah subsidi.

Kepada ahli perniagaan tempatan, Kerajaan merayu supaya mereka turut berkorban dengan tidak mengambil tindakan menaikkan harga barangan dan perkhidmatan memandangkan Kerajaan masih menanggung subsidi yang besar.

"Sebaliknya, ambillah langkah untuk menjimatkan kos dan meningkatkan kecekapan operasi bagi menghadapi masalah kenaikan sedikit harga barangan petrol ini.

"Kita bersyukur kerajaan masih mampu untuk menanggung beban subsidi yang agak tinggi bagi tahun ini," katanya.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamed baru-baru ini berkata kenaikan harga petrol tidak dapat dielakkan memandangkan kenaikan harga minyak mentah di pasaran dunia yang naik secara berterusan sejak awal tahun lalu.

Minyak Mentah Tapis yang hanya berharga AS\$12.24 setong pada awal Januari 1999 (harga purata) meningkat hampir dua kali ganda kepada AS\$23.88 setong pada September 1999 dan AS\$36.00 setong pada September 2000.

Kesan daripada itu, beban subsidi ke atas barangan petroleum ini telah meningkat dengan ketara, daripada kira-kira RM1.1 bilion pada tahun 1999 kepada RM3.1 bilion tahun 2000.

Jumlah subsidi ini dijangka meningkat kepada RM4.93 bilion tahun depan jika harga minyak mentah kekal pada paras AS\$36.00 setong, menurut Kementerian Kewangan.

Tambahnya, jumlah ini belum mengambil kira kehilangan hasil cukai yang telah dikecualikan sebelum bayaran subsidi dilakukan bagi mengekalkan harga kawalan berkenaan.

"Jumlah cukai yang dikeluarkan itu telah bertambah daripada kira-kira RM2.6 bilion pada tahun 1999 kepada kira-kira RM4.6 bilion pada tahun 2000 dan dijangka meningkat kepada RM5 bilion pada tahun 2001," katanya.

Kementerian itu berkata jumlah subsidi yang sebegitu besar itu tidak wajar ditanggung oleh pihak kerajaan sahaja dan perlu dikongsi bersama oleh pengguna untuk terus menikmati harga barangan petroleum yang rendah.

"Jumlah penjimatan subsidi yang diperolehi boleh disalurkan untuk membiayai projek-projek perumahan bagi dimanfaatkan kepada golongan yang memerlukan," tambahnya.

-- BERNAMA

MOT MA